

Di Jalan Beting Maro, Pusa pula, sejumlah 12 hektar kawasan telah terjejas akibat kebakaran yang melibatkan ladang milik persendirian. Manakala di Mulu, kawasan bukit masih terbakar di mana kebakaran mencecah ketinggian mencecah 100 meter dan operasi pemadaman dilakukan menggunakan pesawat M1-171," katanya.

Setakat hari ini, bermula dari 1 September lepas, JBPM Sarawak telah menerima laporan 449 kes kebakaran terbuka yang menjejaskan kawasan seluas 502.6 hektar.

Manakala Indeks Pencemaran Udara (IPU) setakat pukul 4 petang ini di 12 kawasan mencatatkan bacaan tahap Sederhana iaitu Bintulu (59), ILP Miri (64), Kapit (57), Kuching (71), Limbang (56), Miri (63), Mukah (63), Samalaju (59), Samarahan (66), Sarikei (74), Sibu (69) dan Sri Aman (81).

Bacaan IPU antara 0 hingga 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) manakala 300 ke atas berbahaya. - Bernama